

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my



[FOTO ASWADI ALIAS/BH]

Penduduk PPR Sri Labuan menunjukkan papan tanda projek pembinaan pangsapuri oleh DBKL di Bandar Tun Razak.



DBKL harus mempunyai perancangan teliti yang mengambil kira semua aspek pembangunan termasuk kesan kepada penduduk dan persekitaran kawasan itu”

Dr Norbaya Ahmad,
Ketua Jabatan Pengajian
Kenegaraan Dan
Ketamadunan, Fakulti Ekologi
Manusia, UPM

PENDUDUK KECEWA DBKL TERUSKAN PROJEK PANGSAPURI

DBKL digesa kaji kesan jangka panjang

→ Imbangi kesejahteraan penduduk agar tidak terima kesan mudarat pembangunan

Oleh Mohd Fharkhan
Abdul Ghapar
bhnews@bh.com

▀ Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa mengkaji kesan jangka panjang pembangunan empat blok pangsapuri dan kondominium setinggi 40 tingkat yang bakal dibina di tanah padang bola di Bandar Tun Razak (BTR), di sini, kepada penduduk kawasan perbandaran itu.

Gesaan itu bagi mengimbangi keperluan dan menjamin kesejahteraan penduduk sedia ada, agar tidak menerima kesan mudarat daripada pembangunan baharu di

kawasan berkenaan.

Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Norbaya Ahmad, menjelaskan DBKL seharusnya sudah mempunyai perancangan jangka panjang bagi memenuhi keperluan penduduk sedia ada dan penduduk baharu di situ.

“DBKL harus mempunyai perancangan teliti yang mengambil kira semua aspek pembangunan termasuk kesan kepada penduduk dan persekitaran kawasan itu.

Kepadatan penduduk

“Sebelum membuat apa-apa pembangunan, adalah penting DBKL melaksanakan kajian impak untuk mengenal pasti masalah yang timbul kesan daripada pembangunan berkenaan dan bersedia dengan inisiatif untuk mengatasinya.

“Pembangunan perumahan itu sudah tentu akan meningkatkan kepadatan penduduk sekali gus memberikan kesan kepada aliran trafik selain mempengaruhi kemampuan kemudahan asas dan awam sedia ada.” katanya ketika diminta mengulas mengenai pembangunan itu.

Pembangunan berkenaan mendapat bantahan penduduk BTR sejak beberapa tahun lalu apabila cadangan itu dibangkitkan, yang

mendakwa ia bukan sekadar menyebabkan padang yang menjadi tempat tumpuan aktiviti penduduk sejak 40 tahun lalu diambil alih malah masalah lain berkaitan termasuk kepadatan penduduk.

Halaman Kota Rabu lalu menyiarkan bantahan terbaharu penduduk yang kesal kerana DBKL meneruskan pembangunan di kawasan seluas 2.098 hektar itu dan sudah memagar tapak kawasan itu.

Norbaya berkata, setiap pembangunan baharu perlu mengambil kira kemampuan kemudahan asas seperti sekolah dan pengangkutan awam untuk digunakan penduduk sedia ada dan yang baharu.

“Pembinaan bangunan tinggi juga perlu mengambil kira kesannya terhadap persekitaran termasuk gangguan aliran angin dan pencahayaan bagi penduduk rumah teres di sekitar kawasan itu.

“DBKL mempunyai hak untuk menukar status tanah berkenaan untuk tujuan pembangunan, namun mereka juga tidak boleh menafikan hak penduduk yang memerlukan kawasan lapang atau kawasan hijau untuk tujuan riadah.

“Dalam konteks pembangunan, sekurang-kurangnya 10 peratus kawasan hijau perlu diperuntukkan yang menjadi keperluan asas amat penting kepada penduduk, kerana itu adalah hak pen-

diduk.” katanya.

Dalam perkembangan sama, penduduk juga hairan bagaimana DBKL boleh meneruskan projek itu sedangkan pembangunan itu hampir dengan pencawang elektrik bertekanan tinggi.

Kesan gelombang elektrik

Mengulas perkara itu, Norbaya berkata, DBKL dan pemaju seharusnya mengkaji aspek keselamatan terutama dari sudut kesihatan penduduk untuk jangka panjang kerana mereka terdedah kepada kesan gelombang elektrik yang dihasilkan dari pencawang berkenaan.

“Jika projek diteruskan, perlu ada pelan keselamatan seperti jarak selamat antara kawasan rumah dengan pencawang. Selain kesan gelombang, mereka perlu memikirkan risiko kemalangan lain atau potensi disambar kilat,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan DBKL, Azmi Abdul Hamid, yang dihubungi sejak dua hari lalu, enggan memberikan sebarang komen. Difahamkan Azmi sudah melantik seorang pegawai untuk menjawab mengenai isu ini.

Namun sehingga berita ini ditulis pegawai berkenaan tidak dapat dihubungi.



Keratan akhbar
BH keluaran
21 Jun lalu.